

**HUBUNGAN ANTARA PENGLIBATAN DAN TANGGUNGJAWAB
GURU DENGAN PERLAKSANAAN PENGURUSAN PANITIA
DI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH,
DAERAH MEMBAKUT**

ROSLEY AJAM



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2008**

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini bertujuan untuk mengetahui penglibatan dan tanggungjawab guru dalam pelaksanaan pengurusan panitia. Selain dari itu, kajian ini juga bertujuan untuk melihat apakah terdapat hubungan di antara penglibatan dan tanggungjawab guru dengan pelaksanaan pengurusan panitia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan sepenuhnya instrumen soal selidik ke atas 136 orang guru yang menjadi ahli kepada panitia Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains di sekolah-sekolah rendah dalam daerah Membakut, Sabah. Data telah dianalisis dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu statistik deskriptif untuk min dan peratusan bagi melihat maklumat am responden, penglibatan dan tanggungjawab guru ke atas pelaksanaan pengurusan panitia manakala statistik inferensi yang digunakan ialah korelasi pearson untuk melihat hubungan antara penglibatan dan tanggungjawab guru dengan pelaksanaan pengurusan panitia. Dapatan kajian menunjukkan terdapat penglibatan guru yang tinggi iaitu sebanyak 88.9% ke atas tiga program panitia iaitu mesyuarat panitia, pelaksanaan program berdasarkan keputusan bersama dalam mesyuarat dan pelaksanaan program yang dicadangkan dalam mesyuarat. Kajian ini juga mendapati tanggungjawab guru yang paling tinggi dengan peratusan sebanyak 89.7% adalah tanggungjawab ke atas mesyuarat panitia dan tanggungjawab ke atas semua program akademik yang dianjurkan panitia. Ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan penglibatan guru dalam pelaksanaan pengurusan panitia. Ujian Anova menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara panitia yang diwakili terhadap tanggungjawab mereka dalam pelaksanaan pengurusan panitia. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara penglibatan guru dengan pelaksanaan pengurusan panitia pada aras $r = .76$ dan tanggungjawab guru dengan pelaksanaan pengurusan panitia pada aras $r = .75$ dengan aras signifikan di bawah $p < 0.05$.

ABSTRACT

This research has been done to know the involvement and responsibility of teacher in managing the committee of each subject in school. Otherwise, the reason of this research is to know whether there are connection between the involvement and responsibility of the teacher with the management of the committee of each subject. Method of this subject are survey and observation using question and answer instrument towards 136 teachers committee member of Bahasa Malaysia, English Language, Mathematic and Science from primary school around Membakut District, Sabah. Using quantitative method to analyse the data, that is descriptive statistic for mean and percentage to see the details from the respondent, involvement and responsibility from the teachers on the implementation of the management of the committee. For the inference statistic, the method have been using pearson correlation to see the connection between involvement and responsibility of the teacher on the implementation of the committee management. The result of the research shows that 88.9% teachers involve on three committee programme that is meeting, implementation of the programme base on the result together in the meeting and implementation of the programme that has been suggest in the meeting. The result also found that the responsibility of teacher over the meeting of the committee and academic programme that have been suggest are the highest percentage that is 89.9%. The t-test not show the difference significant between gender with teacher involvement in the committee management. The Anova test not show the difference significant between the members of committee with the responsibility of teacher in the committee management. The last result shows that the significant between the involvement of the teacher on the implementation of the management of the committee on the level $r = .76$ and the responsibility of the teacher on the implementation of the management of the committee on the level $r = .75$ with the significant level below $p < 0.05$.